

Dasar Teknologi Hijau jana ekonomi mesra alam

KALAU kita menjenguk kebanyakan rumah golongan kelas pertengahan di kawasan pinggir bandar raya Kuala Lumpur, pasti kita akan dapat melihat sekurang-kurangnya dua atau bahkan tiga kereta di setiap rumah di situ. Diteliti lebih dekat, kita akan dapat melihat pula kipas pemampat penyaman udara berputar ligat dan lampu terpasang walaupun pada waktu siang hari.

Kita tertanya-tanya sama ada tuan punya rumah itu pernah terdengar istilah pelepasan karbon, iaitu sukatan jumlah karbon serta gas rumah hijau (GRH) yang dilepaskan ke atmosfera daripada aktiviti kita sehari-hari.

Karbon dan GRH 'menghakis' lapisan ozon, iaitu suatu lapisan perlindungan di sekeliling yang melindungi umat manusia daripada pancaran berbahaya matahari dan memastikan suhu global serta pola cuaca tetap terkawal. Sebahagian besar karbon dan GRH terhasil daripada pembakaran minyak untuk segala macam tujuan - daripada menjana kuasa sehingga kepada memandu kereta kita.

Sejak dulu Malaysia ditarafkan di tempat terendah dari segi penarafan global pembebasan karbon (tempat ke-157 daripada 224 negara) dan menurut beberapa laporan dan kajian Agensi Tenaga Antarabangsa berpangkalan di Amerika Syarikat, pelepasan karbon Malaysia bagi setiap kapita pelepasan karbon meningkat daripada 3.1 tan perkapita kepada 7.2 tan perkapita dalam tempoh 16 tahun sejak 1990.

Menjelang 2010, angka ini dijangka mencecah 8.0 tan perkapita, sekali gus meletakkan Malaysia di tempat ketiga, selepas Vietnam dan China dari segi kadar pertumbuhan pelepasan karbon.

Kerana menyedari 28 juta warga Malaysia lebih cenderung membakar lebih banyak bahan api, pada Julai 2009, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melancarkan Dasar Teknologi Hijau yang dikendalikan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

“*Sejak dulu Malaysia ditarafkan di tempat terendah dari segi penarafan global pembebasan karbon (tempat ke-157 daripada 224 negara) dan menurut beberapa laporan dan kajian Agensi Tenaga Antarabangsa berpangkalan di Amerika Syarikat, pelepasan karbon Malaysia bagi setiap kapita pelepasan karbon meningkat daripada 3.1 tan perkapita kepada 7.2 tan perkapita dalam tempoh 16 tahun sejak 1990*

“*Kerana menyedari 28 juta warga Malaysia lebih cenderung membakar lebih banyak bahan api, pada Julai 2009, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melancarkan Dasar Teknologi Hijau yang dikendalikan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air*

Dalam ucapan pelancarannya, Najib antara lain menyatakan bahawa sudah tiba masanya bagi negara kita bergerak ke arah mesra alam dan menyebut keprihatinan global untuk menerima dan menghayati amalan terbaik yang mampan serta boleh diperbaharui.


Namun, apa yang lebih penting dalam mesej beliau ialah rancangan untuk mempermudah pertumbuhan industri teknologi hijau yang disebut sebagai satu pemacu utama yang bakal memberi sumbangan kepada ekonomi negara.

Bagi Perdana Menteri, apa yang penting ialah bergerak ke arah mesra alam bukan saja untuk pencinta alam sekitar, malah bagi usahawan, pereka cipta dan pelanggan serta orang ramai.

Strategi serampang dua mata ini akan mencapai matlamat mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 15 peratus dan mengurangkan jumlah pelepasan bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 40 peratus menjelang 2020 berbanding tahap 2005 dan memangkinkan keupayaan serta kemampuan Malaysia untuk melakukan inovasi dalam pembangunan teknologi hijau.

Tugas ini bukan sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan, memandangkan Malaysia sudah bergerak ke arah taraf negara maju sepenuhnya menjelang 2020. Masalah ini menjadi lebih rumit lagi dengan ada peruntukan pelbagai subsidi bagi bahan api fosil.

Sebagai contohnya, subsidi bagi gas. Pengeluar tenaga bebas di Malaysia mengeluarkan tenaga elektrik daripada gas yang dibekalkan kepada mereka dengan sebahagian kecil gas. Rasional yang diberi adalah pengeluar ini perlu diberi pampasan kerana mengeluarkan tenaga elektrik dengan murah untuk industri tempatan dan industri tempatan pula perlu tenaga elektrik murah untuk mengeluarkan barangan pada harga kompetitif bagi pasaran dunia.



ZULKARNAIN AHMAD TALUDDIN | BERITA HARIAN

PELEPASAN asap kenderaan berlebihan semakin 'menghakis' lapisan ozon.

Keburukannya ialah banyak industri berkenaannya begitu selesa dengan kos tenaga rendah sehingga tiada rancangan untuk menjadi cekap tenaga atau mencari sumber tenaga alternatif. Meskipun teknologi bagi kecekapan tenaga dan sumber tenaga alternatif boleh didapati, kos melaksanakan teknologi ini agak mahal berbanding kuasa murah bersubsidi yang dikeluarkan oleh pengeluar tenaga bebas.

Bagi perniagaan yang tujuan utamanya untuk mengeluarkan yang maksimum pada kos minimum, menjadi cekap tenaga adalah, peliknya, kurang menguntungkan. Hanya apabila kos penukaran menjadi lebih murah barulah perniagaan akan bertukar. Cara menyelesaikan masalah ini ialah dengan menarik subsidi secara beransur-ansur untuk menaikkan harga tenaga kepada paras harga pasaran. Pada harga pasaran, perniagaan akan mula berfikir mengenai kecekapan

tenaga dan tenaga alternatif.

Meningkatkan penjaanaan kuasa dan penggunaan kuasa daripada biomas, biogas dan sisa pepejal serta memanfaatkan tenaga matahari adalah suatu matlamat yang baik. Tetapi untuk menjayakan inovasi hijau, hanya dengan mendidik orang ramai dan melahirkan kesedaran mengenai kecekapan tenaga belum cukup baik.

Menyediakan dana kepada syarikat yang membekalkan dan memanfaatkan teknologi hijau juga belum cukup baik. Kesedaran alam sekitar perlu kejutan pantas pada bahagian yang paling menyakitkan. Bukan pada pemikiran dan hati manusia tetapi dompet mereka.

Contohnya, jika harganya murah untuk membeli dan menggunakan panel suria buatan Malaysia yang mampu membendung tenaga suria tanpa batasan sepanjang 365 hari setahun berbanding kuasa elektrik janaan bahan

api fosil yang berpunca daripada rizab gas yang kian susut, pastinya warga Malaysia akan mesra alam.

Akhirnya, panel solar ini akan menjadi lebih murah untuk dihasilkan dan akan dapat dieksport ke segenap dunia, memberi pekerjaan untuk warga Malaysia dan memberi sumbangan kepada ekonomi negara dan membangunkan teknologi hasil buatan tempatan.

Penarikan subsidi secara beransur-ansur bukan saja gas, untuk mengeluarkan kuasa elektrik malah juga petrol, diesel, dan gas petroleum cecair (LPG) akan memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dalam jangka panjang, bukan saja dari segi alam sekitar sebaliknya dari segi ekonomi. Dasar Teknologi Hijau memberi kita jalan untuk membina masa depan yang bukan saja lebih hijau dan lebih mampan, malah juga lebih berekonomi dan jauh lebih menguntungkan.